

# Pelajar UPM berbakti di bumi Dengkil



Shahrum (depan) **bermesra dengan mahasiswa UPM** yang menyertai program baktasiswa di Kampung Dato Haji Ahmad Razali, Dengkil.



PROGRAM ITU MEMBOLEHKAN PELAJAR BERGAUL DENGAN MASYARAKAT DAN MEMBERI PENGALAMAN BARU"

**Mohd Zulwaqar Mohd Zulkifli,**  
Penyelaras program

**Dengkil:** Pelbagai pengalaman dan perkara baharu dipelajari sekumpulan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) sepanjang menyertai program bakti siswa di Kampung Dato Haji Ahmad Razali, baru-baru ini.

Program anjuran Pusat Ko-Kurikulum UPM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) itu disertai 60 pelajar daripada pelbagai jurusan bertujuan membantu anak di kampung itu.

Pengisian aktiviti bermatlamat menjalin hubungan mesra antara mahasiswa dengan masyarakat selain memupuk semangat cintakan ilmu kalangan generasi muda di kampung itu.

Majlis turut diserikan dengan

kehadiran Ahli Dewan Undangan (ADUN) Negeri Kawasan Dengkil, Shahrum Mohd Sharif dalam program bacaan Yasin dan kenduri sekampung yang berlangsung di Masjid As Shariff.

#### **Pengalaman baharu**

Penyelaras program, Mohd Zulwaqar Mohd Zulkifli, berkata program itu membolehkan pelajar bergaul dengan masyarakat dan memberi pengalaman baru.

Katanya, program itu juga mampu menyeimbangkan pencapaian akademik dan kokurikulum yang berupaya melahirkan graduan berkualiti.

Beliau berkata, peserta turut menyelami cara hidup masyarakat kampung yang kaya dengan nilai murni.